

Masalah kemurungan terhadap Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf kepada Abdullah: Analisis Fatwa Kebangsaan

The Problem of Depression Regarding the Namement of Illegitimate Children's Lineage to Abdullah: National Fatwa analysis

Muhd Mustaqim Roslan (Corresponding Author)
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Published: 15 September 2022

To cite this article (APA): Roslan, M. M. (2022). The Problem of Depression Regarding the Namement of Illegitimate Children's Lineage to Abdullah: National Fatwa analysis. *Firdaus Journal*, 2(2), 31–42. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.4.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.4.2022>

Abstrak

Isu penamaan nasab anak tak sah taraf (ATST) di Malaysia sering hangat di corong-corong media apabila hakim membenarkan pengesahatarafan kepada bapa biologinya. Hal ini adalah kerana bertentangan dengan Fatwa Kebangsaan yang memutuskan bahawa ATST itu adalah tidak wajar dinasabkan kepada bapa biologinya dan digantikan kepada Abdullah. Ia bertujuan untuk mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial berlaku kepada anak tersebut. Namun begitu, objektif dan matlamat tersebut tidaklah seperti yang diinginkan apabila anak-anak itu didakwa menunjukkan kesan yang negatif apabila penamaan mereka dinasabkan kepada Abdullah. Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat gejala-gejala kemurungan yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif, manakala strategi kajian pula ialah kajian kes. Kajian ini juga mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan terdapat enam gejala kemurungan yang telah dikenal pasti akibat kesan penamaan nasab ATST kepada Abdullah ini iaitu, bersendirian, kurang bercakap, hilang minat, rendah diri, sering termenung dan hilang fokus. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penamaan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah ke atas ATST adalah wajar dimurnikan kembali agar bersesuaian dengan realiti yang berlaku.

Kata kunci: Abdullah, fatwa kebangsaan, kemurungan, nasab, penamaan

Abstract

The issue of naming an illegitimate child's (*Anak Tak Sah Taraf*, ATST) lineage becomes a hot topic in Malaysian media when a judge allows the biological father to be legitimised. This is because it contradicts the National Fatwa, which determined that the ATST was incorrectly attributed to the biological father and was replaced with Abdullah. It aims to keep the child's psychological effects and social problems at bay. However, when the children allegedly showed negative effects when their names were attributed to Abdullah, the objectives and goals were not as desired. In relation to that, the purpose of this article is to look at the symptoms of depression experienced by ATST who are named after Abdullah to replace the mother's name as a legitimate line of descent. This study's philosophy is interpretive, and the research strategy is a case study. This study, too, used a qualitative design and a data collection method that combined document content analysis techniques and semi-structured question interviews. After obtaining the document and interview data, the document content analysis method is used again in the process of analysing these data, and the results are categorised using the thematic method. According to the findings, six symptoms of depression have been identified as a result of the ATST lineage naming Abdullah, namely, being alone, speaking less, losing interest, low self-esteem, frequently brooding, and losing focus. Therefore, this study suggests that the use of Abdullah's name to replace the mother's name as a legitimate line of descent to ATST be refined to reflect current reality.

Keywords: Abdullah, national fatwa, depression, lineage, naming

1.0 PENDAHULUAN

Anak Tak Sah Taraf atau akronimnya dikenali sebagai (ATST) dapat diistilahkan di dalam bahasa Arab sebagai "*walad zina*" yang membawa maksud "anak zina" dari sudut bahasanya (Hans Wehr 1980). Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan ATST ini tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya dan keputusan ini turut disokong oleh beberapa buah negeri di Malaysia seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang (Muhammad Adam 2020). Menurut keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam membincangkan tentang isu penamaan nasab ATST ini, mendahului masalah umum iaitu menutup ruang-ruang zina sepatutnya menjadi perbincangan utama berbanding menutup malu ATST tersebut. Oleh yang demikian, ATST tersebut dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau lain-lain nama "*Asma' al-Husna*" berpangkalan Abdul bagi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial yang terkesan kepada diri mereka (JAKIM 2003).

Namun begitu, realiti yang berlaku kepada ATST ini adalah tidak selari dengan objektif dan matlamat asal seperti yang diputuskan dalam fatwa. Hasil tinjauan literatur-literatur lepas menunjukkan terdapat pelbagai kes buruk termasuklah masalah kemurungan yang didakwa melibatkan ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah. Sebagai buktinya dalam kes penghakiman Mahkamah Rayuan bagi kes rayuan No. W-01(A)-365-09/2016 terhadap permohonan ATST untuk tidak dinasabkan kepada Abdullah. Menurut mahkamah, menamakan anak luar nikah dengan nama Abdullah dilihat sebagai diskriminasi kepada masa depan dan perasaan kanak-kanak tersebut. Rata-rata masyarakat menyokong keputusan mahkamah rayuan ini dan berpendapat bahawa kanak-kanak yang dibintikan kepada Abdullah

sering dipersenda, diejek anak luar nikah dan dipanggil sebagai anak tidak sah. Mereka yang dihina ini akan marah dan harga diri mereka terjejas dan ini secara langsung boleh menyebabkan masalah kemurungan pada anak tersebut. Ada di antara mereka yang tidak mahu lagi ke sekolah dan mereka yang bijak pandai terpaksa berhenti sekolah akibat dipulau dan diejek kawan-kawan di sekolah (A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara 2017).

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat gejala-gejala kemurungan yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah. Dengan adanya kajian ini, ia dapat membuktikan samada dakwaan yang dilontarkan oleh media di dada-dada akhbar mahupun di corong-corong radio adalah benar mahupun tuduhan semata-mata dengan niat menimbulkan provokasi dalam fatwa kebangsaan. Pengkaji meyakini akan setiap fatwa yang dikeluarkan pastinya telah melihat pelbagai aspek ketika itu, namun sejauh manakah kesannya kepada ATST memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah masalah kemurungan yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah dalam fatwa penasaban ATST di Malaysia?

2.0 SOROTAN KAJIAN

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop ATST bagi memperkukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan satu artikel jurnal pada tahun 2020 oleh Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad, Nur Mohammad Hadi Zahalan (2018) yang berjudul **“Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf melalui “Baby Hatch”: Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syari’at dan Undang-Undang Malaysia”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa, meskipun ATST lahir daripada perbuatan zina, kelahiran mereka tidak boleh dipersalahkan kerana bayi tersebut tidak berdosa, tidak menanggung dosa kedua ibu bapanya bahkan tetap mempunyai hak untuk hidup. Kajian Zulkifli Mohd, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Jamaluddin Hashim dan Asiah Bidin (2018) turut disoroti dalam satu artikel jurnal yang bertajuk **“Hukum Anak Luar Nikah Menjadi Imam Solat”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa keharusan anak luar nikah menjadi imam adalah lebih kuat dalam suasana semasa dan realiti masyarakat pada hari ini.

Abd. Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal Md. Dahlan (2017) dalam artikel jurnalnya berjudul **“Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa remaja dan ahli keluarga mereka boleh menerima kelahiran ATST dan bersifat positif tentang kepentingan menjaga anak tersebut. Kajian terakhir adalah merupakan penyelidikan daripada artikel jurnal oleh Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan (2016) bertajuk **“Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah”**. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ibu merupakan orang yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada ATST, manakala pihak bapa tidak dikenakan apa-apa tindakan. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun isu ATST itu dibahaskan dalam perbincangan artikel tersebut, namun isu masalah kemurungan ATST terhadap fatwa penamaan nasab kepada Abdullah secara khusus tidaklah diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Strategi kajian pula ialah kajian kes. Manakala kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik.

Selain daripada itu juga, kajian ini mengadaptasikan persampelan bertujuan atau *purposive sampling* yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Babbie (2002), persampelan bertujuan adalah pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian. Oleh yang demikian, seramai 12 sampel yang terdiri daripada seorang pakar psikologi, dua orang pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja, empat orang ATST dan lima orang penjaga ATST dijadikan sampel utama untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan masalah kemurungan yang dihadapi oleh ATST. Memandangkan kajian ini tidak mengetahui siapakah dalam kalangan populasi yang benar-benar layak dipilih sebagai sampel kajian atau yang berkemampuan boleh memberikan maklumat yang kaya, maka kaedah *snowball* digunakan seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2009). Kaedah *snowball* di mana seorang partisipan atau satu latar akan memberikan petunjuk untuk memilih partisipan atau latar seterusnya (Othman Lebar 2017).

4.0 KONSEP KEMURUNGAN

Sebelum dihuraikan dengan lebih mendalam berkaitan dengan masalah kemurungan yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf, kajian ini memulakan dengan pendahuluan kepada maksud kefahaman bagi kemurungan itu sendiri. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), istilah kemurungan ialah membawa erti keadaan apabila seseorang mengalami rasa kecewa dan putus asa yang diiringi dengan gejala seperti sukar tidur, lembap berfikir dan rasa bersalah yang keterlaluan yang tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Hal ini dapat difahami bahawa, kemurungan itu juga adalah satu gejala yang mengurangkan prestasi normal individu seperti melambatkan aktiviti psikomotor atau mengurangkan fungsi intelektual individu (Ahmad Hazuad & Dini Rahiah Kadir 2014).

5.0 MASALAH KEMURUNGAN ATST YANG DINAMAKAN KEPADA ABDULLAH

Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah rata-rata mengalami masalah kemurungan dalam kehidupan mereka. Kajian ini

menghuraikan dapatan temu bual mendalam yang dijalankan kepada 12 sampel yang terdiri daripada tiga orang informan dan sembilan orang responden seperti dalam jadual 1.0 di bawah. Jadual ini diadaptasikan oleh Norizan Yusof (2016) dalam Jurnal Psikologi Malaysia bertajuk: “*Pengurusan Elemen Psikologikal sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir di Kelantan*”. Jadual ini turut diolah berpandukan kepada perbincangan kajian dan dimulai dengan pandangan umum sebelum dihuraikan dengan lebih terperinci dalam perbincangan seterusnya. Berikut adalah hasil dapatan secara umum bagi masalah kemurungan yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah:

BIL.	KOD SAMPEL	KATEGORI SAMPEL	MASALAH KEMURUNGAN
1.	In1	Pakar Psikologi	/
2.	In2	Pakar Psikiatri Kanak-Kanak & Remaja, UKM	/
3.	In3	Pakar Psikiatri Kanak-Kanak & Remaja, UPM	/
4.	R1	Anak Tak Sah Taraf (1)	/
5.	R2	Anak Tak Sah Taraf (2)	/
6.	R3	Anak Tak Sah Taraf (3)	/
7.	R4	Anak Tak Sah Taraf (4)	/
8.	R5	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (1)	/
9.	R6	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (2)	/
10.	R7	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (3)	/
11.	R8	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (4)	/
12.	R9	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (5)	/

Jadual 1.0: Hasil Dapatan Umum bagi Masalah Kemurungan yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah

(Sumber: Adaptasi daripada jadual Norizan Yusof 2016)

Merujuk kepada jadual 1.0 di atas, kesemua 12 sampel yang terdiri daripada tiga orang informan dan sembilan orang responden kajian bersetuju bahawa anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah mengalami masalah kemurungan. Empat kategori sampel di atas adalah merangkumi seorang pakar psikologi iaitu mewakili In1, pakar psikiatri kanak-kanak & remaja UKM dan UPM seramai dua orang mewakili In2 dan In3, anak-anak tak sah taraf seramai empat orang bermula R1 hingga R4 dan penjaga-penjaga ATST pula seramai lima orang bermula dari R5 hingga R9. Kesemua mereka memberikan maklum balas negatif terhadap masalah kemurungan yang dihadapi oleh ATST walaupun daripada kategori gejala yang berbeza.

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat enam gejala kemurungan yang telah dikenal pasti akibat kesan penamaan nasab ATST kepada Abdullah ini iaitu, bersendirian, kurang bercakap, hilang minat, rendah diri, sering termenung dan hilang fokus. Kesemua gejala ini turut disokong oleh pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja. Menurut In2:

“Yang *you* senaraikan tu adalah gejala-gejala kemurungan ataupun ada juga gejala kurang praktik. So itu bergantung pada individu, kita kena nilai seseorang itu dalam dirinya baru kita tahu apakah masalah mental yang dialaminya. Tapi

memanglah itu semua gejala kemurungan. So kalau dia murung dia adalah semua-semua tu” (In2(1)I-30/3/22(657-660).

Semua kategori di bawah masalah kemurungan diperincikan lagi dalam perbincangan ini seperti dalam jadual 1.1 di bawah:

BIL.	MASALAH KEMURUNGAN	SAMPEL KAJIAN											JUMLAH SAMPEL YANG BERSETUJU		
		In1	In2	In3	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8		R9	
1.	Bersendirian				/			/	/			/	/	/	6
2.	Kurang Bercakap											/			1
3.	Hilang Minat		/					/				/		/	4
4.	Rendah Diri	/				/	/	/				/			5
5.	Sering Termenung								/			/			2
6.	Hilang Fokus					/			/				/		3

Jadual 1.1: Hasil Dapatan Khusus bagi Masalah Kemurungan yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah

(Sumber: Adaptasi daripada jadual Norizan Yusof 2016)

Jadual 1.1 di atas menunjukkan kesemua sampel bersetuju bahawa ATST mengalami masalah kemurungan akibat penamaan mereka kepada Abdullah. Walaupun setiap sampel tidak menyatakan kesemua gejala itu terkesan kepada ATST, namun gejala-gejala tersebut turut berada di bawah kategori masalah kemurungan. Merujuk kepada jadual di atas, gejala “bersendirian” merupakan gejala yang paling tinggi dipersetujui oleh sampel kajian ini dengan seramai enam orang daripada keseluruhan sampel iaitu seramai 12 orang mengakui bahawa ATST itu terkesan dengan penamaan nasab kepada Abdullah. Ia diikuti dengan gejala “rendah diri” yang merupakan gejala kedua tertinggi seramai lima orang. Adapun gejala “hilang minat” pula merupakan gejala ketiga tertinggi dengan empat sampel yang bersetuju akan gejala tersebut. Manakala gejala terendah yang kurang memberikan masalah kemurungan kepada ATST ialah gejala “kurang bercakap”. Kajian ini turut memperincikan kesemua gejala masalah kemurungan ini yang dihadapi oleh ATST atas sebab penamaan nasab mereka kepada Abdullah.

Gejala kemurungan yang pertama ialah “bersendirian”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), sendiri atau bersendirian membawa maksud duduk seorang diri, mengasingkan, memencilkan dan menyisahkan diri. Literatur-literatur lepas turut membawa istilah bersendirian ini juga seperti *introvert*. Ia bermaksud orang yang cenderung untuk menarik diri dan menyendiri. Mereka lebih menyukai pemikiran sendiri daripada berbicara dengan orang lain (Isnaini Jamilah 2012). Biasanya mereka lebih suka hidup dalam dunia mereka sendiri tanpa mempedulikan orang lain. Mereka juga lebih suka bertindak mengikut emosi mereka, kurang berkomunikasi atau berinteraksi dengan orang lain (Aznan, Salizawati, Mohd Zuri & Zainudin 2010).

Enam sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sering bersendirian. Hal ini terjadi adalah kerana, kebanyakan mereka mengalami tekanan dan mula rasa malu untuk berhadapan dengan khalayak awam termasuk keluarga yang menjaga mereka apatah lagi kawan-kawan mereka. Dua sampel daripadanya adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia

disokong oleh empat orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Sungguhpun pakar mengakui bahawa ATST itu mengalami masalah kemurungan akibat kesan psikologi yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala kemurungan yang dihadapi itu ialah sering bersendirian. Hal ini kerana, gejala kemurungan iaitu sering bersendirian itu hanya dapat dikenal pasti daripada mangsa keadaan dan turut disokong oleh penjaga mereka dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R1 dan R9:

R1: "Yaa betul adakalanya dan pada awal dapat tahu tu memang rasa kecewa menyebabkan saya sukar tidur, saya taknak berfikir terlalu panjang dan saya suka bersendirian, saya tak suka diganggu" (R1(1)I-15/4/22(2333-2334).

R9: "Main *handphone* bersendirian. Adalah macam taknak ikut belajar masa nampak kan perubahan tu" (R9(1)I-6/12/21(2228-2230).

Gejala kemurungan yang kedua ialah "kurang bercakap". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), kurang membawa maksud tidak atau belum sampai kepada angka yang tertentu, tidak atau belum cukup. Manakala bercakap pula ialah bicara, kata, kecek dan tutur. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa kurang bercakap itu bererti menggunakan sebahagian besar dari masa interaksi sosialnya dengan mendengar apa yang disampaikan (A. Aziz Deraman 2000). Kesan daripada kurang bercakap yang dialami akan menjadikan seseorang itu sulit untuk menarik kesimpulan daripada suatu pernyataan selain sukar untuk memeriksa kesahihan suatu *argument* (Mochamad Abdul Basir 2015).

Satu sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka kurang bercakap atau mulai senyap. Menurut penjaga ATST bahawa keadaan ini berlaku apabila anak-anak ini mula ada perasaan ingin tahu berkaitan dengan status penamaan mereka. Namun apabila diketahui, mereka mula senyap secara tiba-tiba dan kurang bercakap. Hal ini diperakui sendiri oleh penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada anak jagaan mereka. Sungguhpun ATST dan pakar mengakui bahawa masalah kemurungan akibat kesan psikologi yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala kemurungan yang dihadapi itu ialah kurang bercakap. Hal ini kerana, gejala kemurungan iaitu kurang bercakap itu hanya dapat dikenal pasti daripada penjaga mereka dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R8:

"Dia ikut je cakap kita, lepas tu lama kitorang perasan masa nak buat *Identity Card* (IC) tulah. Ahhh dia tanya boleh tak abang nak tahu kenapa nama ayah abang dengan adik beradik tak sama? Hah masa tulah dia macam merajuk sikitlah. Dia merajuk macam masuk bilik senyap je dan tak bercakap" (R8(1)I-31/10/21(2019-2021).

Gejala kemurungan yang ketiga ialah "hilang minat". Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), hilang ialah tidak ada lagi sesuatu perasaan seperti marah, benci, suka dan sebagainya. Adapun minat bererti keinginan, kesukaan, kecenderungan kepada sesuatu. Hilang minat ini turut diistilahkan sebagai *anhedonia* iaitu tiada keseronokan dalam perbuatan yang biasanya seronok dilakukan (Najihah, Tuan Muhammad Iqbal, Anas, Zurita, Rahim & Ummul Maisarah 2022). Selain itu juga, *anhedonia* dapat turut difahami bahawa suatu suasana perasaan yang diwarnai dengan kehilangan minat dan kesenangan terhadap berbagai aktiviti kehidupan (Niko Jaya Lumban Gaol 2012).

Empat sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka hilang minat. Mereka mula hilang minat untuk melakukan sesuatu perkara walaupun perkara itu sering diminati oleh mereka sebelum ini. Keadaan ini berlaku tatkala mereka mengetahui status penamaan mereka adalah ATST serta mereka berasakan bahawa apa yang mereka minat untuk lakukan itu hanya sia-sia dan tidak perlu lagi untuk mendapatkan perhatian sesiapa. Salah satu sampel daripadanya adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh dua orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Selain itu juga, pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja turut menyokong gejala kemurungan ini. Menurut R4, R9 dan In2:

R4: “Kadang-kadang dia punya minat lukis tu boleh terus hilang, terus takda selera, takda nak buat apa-apa, terus salahkan semua benda, terus rasa benci dekat diri sendiri” (R4(1)I-24/4/22(2824-2826).

R9: “Hah yelah kurang fokus dalam kelas. Haah hilang minat memang ya” (R9(1)I-6/12/21(2227).

In2: “Gejala-gejala kurang minat. Itu semua gejala kemurungan” (In2(1)I-30/3/22(657-658). “So kalau dia murung dia adalah semua-semua tu” (In2(1)I-30/3/22(659-660).

Gejala kemurungan yang keempat ialah “rendah diri”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), rendah bererti hati suka merendahkan diri, tidak angkuh, tidak sombong dan tidak bongkak serta baik hatinya. Diri pula ialah merujuk kepada orang seorang dan empunya badan. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa rendah diri itu membawa maksud munculnya keraguan yang serius dan terus-menerus tentang diri sendiri, bila rasa ketidakmampuan tak kunjung henti dan merembes ke seluruh hidup (Nadhifa Amirah 2018). Ada juga yang turut membezakan di antara rendah hati dan rendah diri. Sesungguhnya rendah hati itu adalah tidak sama dengan rendah diri kerana rendah diri itu bererti kehilangan kepercayaan diri (Purnama Rozak 2017).

Lima sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka rasa rendah diri. Rendah diri yang berlaku pada diri ATST ini rata-ratanya adalah disebabkan perasaan malu yang muncul dalam diri tatkala berhadapan dengan kawan-kawan dan keluarga. Mereka tidak mahu status penamaan mereka diketahui kerana malu dan akhirnya membuatkan mereka rasa rendah diri. Tiga sampel daripadanya adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh seorang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Selain itu juga, pakar psikologi turut menyokong gejala kemurungan ini. Menurut R3, R8 dan In1:

R3: “Okey lah perasaan malu itu ada la kan kawan-kawan boleh kata 100 peratus kawan yang lain mempunyai ahli keluarga yang normal, namun apabila mengenangkan nasib diri juga saya berasakan sedikit malulah walaupun tak sama taraf kan, tapi saya pasti memang agak malu untuk bergaullah” (R3(1)I-26/4/22(2629-2631).

R8: “Bila kita dapat tahu, tanyalah dia kenapa dia pergi sekolah tapi tak sampai? Dia cakaplah yang dia segan malu sebab kawan dia ejek dia yang ayah dia lainlah” (R8(1)I-31/10/21(2044-2045).

In1: “Cuma dia tak faham benda itu akan jadi persoalan, dia akan rasa malu, akan rasa rendah diri, dia akan rasa kecewa sebagainya” (In1(1)I-23/3/22(90).

Gejala kemurungan yang kelima ialah “sering termenung”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), sering atau selalu membawa maksud sentiasa, selamanya dan sepanjang masa. Adapun termenung pula bererti duduk diam sambil berfikir atau bertafakur tentang sesuatu dan berfikir panjang. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa sering termenung itu ialah selalu duduk diam menyendiri sambil berfikir sesuatu. Menurut literatur lepas, sering termenung ini turut termasuk dalam gangguan *kognitif*. Ia ditandai dengan sulit untuk berkonsentrasi, tidak fokus ketika sedang belajar, sering melamun dan termenung sendiri (M. Anwar Fuadi 2011).

Dua sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sering termenung. Menurut salah seorang penjaga ATST bahawa keadaan ini sering berlaku apabila status penamaan mereka mula diketahui pada usia remaja. Kebanyakan ibu bapa mereka mula menerangkan dan menjelaskan status penamaan mereka kepada Abdullah itu adalah merujuk kepada ATST menjadikan perubahan pada diri mereka ini berlaku. Hal ini diperakui sendiri oleh dua orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada anak jagaan mereka. Sungguhpun ATST dan pakar mengakui bahawa masalah kemurungan akibat kesan psikologi yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala kemurungan yang dihadapi itu ialah sering termenung. Hal ini kerana, gejala kemurungan iaitu sering termenung itu hanya dapat dikenal pasti daripada penjaga mereka dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R5 dan R8:

R5: “Jadi setelah dia dapat tahu status dia tu kena ceritalah. Jadi *start* daripada tu sikap dia berubah, maknanya dia termenung. Termenung sana, termenung sini, dia terasa mengasingkan diri. Dulu dia selalu bergaul dengan saya dan isteri saya, jadi lepastu dah kurang” (R5(1)I-11/9/21(1319-1321).

R8: “Tapi dia adalah tak pergi sekolah dengan termenung, pergi sekolah tak sampai, dia duduk tepi jalan, lepastu masuk sekolah macam duduk kat kedai kopi hah. Dia lepak macam tu kan lepastu orang balik sekolah, dia pun balik sekolah” (R8(1)I-31/10/21(2042-2044).

Gejala kemurungan yang terakhir ialah “hilang fokus”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), hilang itu bererti tidak kelihatan lagi, lenyap dan tiada lagi. Adapun fokus ialah membawa maksud tumpuan dan perhatian dalam perbincangan dan sebagainya. Menurut literatur lepas juga, ada di antara mereka yang turut mentakrifkan hilang fokus itu sebagai hilang tumpuan (Khadijah Muda 2021). Gejala sukar memberikan tumpuan ini merupakan antara tanda-tanda psikologi (Fariza Md. Sham 2005). Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa hilang fokus itu ialah merujuk kepada seseorang yang hilang tumpuan dalam apa jua hal yang dilakukannya sehingga menjejaskan perkara tersebut.

Tiga sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sering hilang fokus. Masalah ini terjadi akibat

kekerapan mereka yang sering memikirkan nasib hidup mereka setelah diketahui akan status penamaan mereka kepada Abdullah adalah merujuk kepada ATST. Selalunya hilang fokus ini adalah berlaku ketika di sekolah dan melibatkan aktiviti-aktiviti yang memerlukan kepada kehadiran ke sekolah. Salah satu sampel ini adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh dua orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Sungguhpun pakar mengakui bahawa ATST itu mengalami masalah kemurungan akibat kesan psikologi yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala kemurungan yang dihadapi itu ialah hilang fokus. Hal ini kerana, gejala kemurungan iaitu hilang fokus itu hanya dapat dikenal pasti daripada mangsa keadaan dan turut disokong oleh penjaga mereka dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R2, dan R9:

R2: "Ya pada mula-mula dulu macam tulah. Nak pergi sekolah pon malas. Kadang duk dalam kelas tapi kepala fikir benda lain" (R2(1)I-18/4/22(2473).

R9: "Tak tahulah dia bergantung pada budak lah, ini dia fikir pelajaran tak fokus. Bila-bila dalam kelas tu, macam-macam masukkan dia dalam kelas matematik. Macam-macam saya buat" (R9(1)I-6/12/21(2160-2161).

Daripada keseluruhan gejala yang telah dihuraikan dalam kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa anak-anak tak sah taraf ini tidak dapat lari daripada masalah kemurungan terhadap penamaan mereka kepada Abdullah. Ia memberikan kesan yang kurang menyenangkan kepada anak-anak ini seawal kanak-kanak dan semakin kritikal pada usia remaja mereka. Permasalahan yang timbul ini sedikit sebanyak sudah pastinya turut memberikan kesan terhadap fatwa penamaan nasab ATST. Sesungguhnya setiap fatwa yang dikeluarkan itu tidak lari dari landasan *maqasidnya* dan ia mestilah sentiasa meraikan kehendak syarak. Hal ini kerana, *maqasid* itu sendiri ialah tujuan dan makna yang telah digariskan oleh syarak dalam setiap perundangan sama ada secara umum atau khusus bagi memelihara kepentingan manusia (Al-Qaradawi 2000).

6.0 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, dapatlah difahami daripada kajian ini bahawa kemurungan itu ialah satu gejala yang mengurangkan prestasi normal individu seperti melambatkan aktiviti psikomotor atau mengurangkan fungsi intelektual individu. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat enam gejala kemurungan yang telah dikenal pasti akibat kesan penamaan nasab ATST kepada Abdullah ini iaitu, bersendirian, kurang bercakap, hilang minat, rendah diri, sering termenung dan hilang fokus. Kesemua gejala ini turut disokong oleh pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja. Walaupun kesemua gejala itu tidaklah dihadapi secara keseluruhannya oleh setiap ATST menurut 12 sampel yang ditemu bual pengkaji, namun ia turut memberikan kesan kepada mereka apabila penamaan nasab mereka digantikan dengan nama Abdullah. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penamaan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah ke atas ATST adalah wajar dimurnikan kembali agar bersesuaian dengan realiti yang berlaku.

BIBLIOGRAFI

- A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara. (2017). *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*. Retrieved from:
[http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01\(A\)-365-09-2016.pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01(A)-365-09-2016.pdf)
- A. Aziz, D. (2000). *Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum: Relevannya dengan IPTA*. Jurnal Kolej Cempaka Kenanga. Universiti Teknologi Mara (UITM).
- Abd. Ghani, A. & Nuarrual Hilal, M. D. (2016). *Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah*. Journal of Legal Studies. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Ahmad Hazuad, S. & Dini Rahiah, K. (2014). *Kajian Mengenai Hubungan Antara Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan Dengan Tret Personaliti di Kalangan Pelajar Tahun Akhir*. Artikel International Counseling Conference and Work. Universitas Negeri Medan.
- Ahmad, A. G. & Md Dahlan, N. H. (2017). *Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes Di Daerah Kubang Pasu, Kedah*. Journal of Legal Studies. Vol. 8. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Al-Qaradawi, Y. (2000) *Nazariyat Maqasid Syari'at bayn Ibn Taymiyat wa Jamhur al-Usuliyin*. Universiti Kaherah.
- Aznan, A. C., Salizawati, O., Mohd Zuri, G. & Zainudin, M. I. (2010). *Kanak-kanak Bermasalah Tingkahlaku*. Universiti Sains Malaysia (USM).
- Babbie, E. (2002). *The Practice of Social Research*. 12th ed. Belmont California, Wadsworth.
- Creswell, J. W. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. n.d. Thousand Oask, CA, Sage.
- Fariza, M. S. (2005). *Tekanan Emosi Remaja Islam*. Journal of Islamic Studies. Vol. 27 No. 1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. n.d. Library Du Liban, Beirut.
- Kamus Dewan Bahasa*. (2012). 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Khadijah, M. (2021). *Persepsi Mahasiswa Tahun Satu USIM Terhadap Pembelajaran di Rumah Ketika Pandemik COVID-19*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- M. Anwar, F. (2011). *Dinamika Psikologis Kekerasan Seksual: Sebuah Studi Fenomenologi*. Jurnal Psikoislamika: Jurnal Psikologi Islam. Vol. 8 No. 2. UIN Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Mochamad, A. B. (2015). *Kemampuan Penalarasan Siswa Dalam Pemecahan, Masalah Matematis Ditinjau Dari Gaya Kognitif*. Jurnal Pendidikan Matematika FKIP Unissula. Vol. 3 No. 1. Unissula Semarang.
- Mohd Mahyeddin, M. S., Nisar Mohammad, A. & Nur Mohammad Hadi, Z. (2018). *Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf melalui "Baby Hatch": Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syari'at dan Undang-Undang Malaysia*. Jurnal al-Majaalis. Sekolah Tinggi Dirasat Islamiyah Imam Syafi'i. Jawa Timur, Indonesia.
- Muhammad Adam, A. A., Khadher, A., Mohd Khairul Nazrin, M. N. & Ishak, S. (2020). *Dinamika Tafsiran Teks Hadis al-Walad li al-Firasy wa li al-'Ahir al-Hajar dan Implikasinya Terhadap Fatwa Penasaban Anak Tak Sah Taraf di Malaysia*. International Refereed Academic Journal in Hadis Sudies. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Nadhifa Amirah. (2018). *Bullying Dengan Rendah Diri Pada Siswa Kelas XI SMA Negeri Palembang*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Psikologi, UIN Palembang.
- Najihah, A. W., Tuan Muhammad Iqbal, T. M. S., Anas, M. Y., Zurita, M. Y., Rahim, A. & Ummul Maisarah, M. A. (2022). *Sorotan Awal Terhadap Gejala Kemurungan Di*

- Malaysia. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education ARISE.
- Niko Jaya, L. G. (2012). *Pusat Penyembuhan Penyakit Jiwa dan Gangguan Kejiwaan di Yogyakarta*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Teknik, Universitas Atma Jaya Yogyakarta.
- Norizan, Y. (2016). *Pengurusan Elemen Psikologikal sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir di Kelantan*. Jurnal Psikologi Malaysia.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. n.d. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Purnama, R. (2017). *Indikator Tawadhu dalam Keseharian*. Jurnal Madaniyah. Vol. 1 Edisi XII. STIT Pematang.
- Zulkifli al-Bakri. (2003). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Zulkifli, M., Engku Muhammad Tajuddin, E. A., Jamaluddin, H. & Asiah, B. (2018). *Hukum Anak Luar Nikah Menjadi Imam Solat*. Malaysian Journal for Islamic Studies (MJIS). Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).